



9 Mei 2022
9 May 2022
P.U. (A) 151

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
(PENGUBAHSUAIAN KEPADA MAKSUD PENGELUARAN
DI BAWAH SUBSEKSYEN 54(6)) 2022

*EMPLOYEES PROVIDENT FUND (MODIFICATION TO
THE PURPOSES FOR WITHDRAWAL UNDER
SUBSECTION 54(6)) ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

PERINTAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PENGUBAHSUAIAN KEPADA
MAKSUD PENGELUARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 54(6)) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 54(7) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Menteri, setelah berunding dengan Lembaga, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pengubahsuaian kepada Maksud Pengeluaran di bawah Subseksyen 54(6)) 2022**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2022.

Pengubahsuaian kepada maksud pengeluaran di bawah subseksyen 54(6)

2. Subseksyen 54(6) Akta diubah suai—

(a) dengan memasukkan perkataan “dan” di hujung perenggan (i);

(b) dengan menggantikan koma bernoktah di hujung perenggan (j) dengan noktah; dan

(c) dengan memotong perenggan (k), (l), (m) dan (n).

Kecualian

3. (1) Apa-apa notis pengeluaran yang dibuat berhubung dengan perenggan 54(6)(k), (l), (m) atau (n) Akta pada atau sebelum 31 Mac 2021, 30 Jun 2021, 30 September 2021 atau 30 April 2022, masing-masing, yang belum selesai sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, diuruskan mengikut peruntukan Akta seolah-olah Akta tidak diubah suai oleh Perintah ini.

(2) Apa-apa kebenaran, arahan, keputusan atau tindakan pentadbiran lain yang dibuat, diberikan atau dilakukan berhubung dengan perenggan 54(6)(k), (l), (m) atau (n) Akta sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya berhubung dengan ahli Kumpulan Wang yang baginya kebenaran, arahan, keputusan atau tindakan pentadbiran lain itu terpakai sehingga dipinda, dimansuhkan, dihapuskan, dibatalkan atau digantikan.

(3) Apa-apa penyiasatan atau prosiding undang-undang yang dimulakan berhubung dengan perenggan 54(6)(k), (l), (m) atau (n) Akta yang belum selesai sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, diteruskan mengikut peruntukan Akta seolah-olah Akta tidak diubah suai oleh Perintah ini.

(4) Apa-apa sebutan kepada perenggan 54(6)(l), (m) atau (n) Akta dalam subperaturan 5A(2A) atau (2B) Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2001 [*P.U. (A) 409/2001*] hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya seolah-olah Akta tidak diubah suai oleh Perintah ini.

Dibuat 12 April 2022
[MOF.SBM(R) 600-41/39/91; PN(PU2)498/Jld. 19]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (MODIFICATION TO THE PURPOSES FOR
WITHDRAWAL UNDER SUBSECTION 54(6)) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred by subsection 54(7) of the Employees Provident Fund Act 1991 [*Act 452*], the Minister, after consulting the Board, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Employees Provident Fund (Modification to the Purposes for Withdrawal under Subsection 54(6)) Order 2022**.

(2) This Order comes into operation on 1 July 2022.

Modification to the purposes for withdrawal under subsection 54(6)

2. Subsection 54(6) of the Act is modified—

(a) by inserting the word “and” at the end of paragraph (i);

(b) by substituting for the semi colon at the end of paragraph (j) a full stop; and

(c) by deleting paragraphs (k), (l), (m) and (n).

Savings

3. (1) Any notice of withdrawal made in relation to paragraph 54(6)(k), (l), (m) or (n) of the Act on or before 31 March 2021, 30 June 2021, 30 September 2021 or 30 April 2022, respectively, which is pending before the date of coming into operation of this Order shall, on the date of coming into operation of this Order, be dealt with in accordance with the provisions of the Act as if the Act had not been modified by this Order.

(2) Any authorization, direction, decision or other executive acts made, given or done in relation to paragraph 54(6)(k), (l), (m) or (n) of the Act before

the date of coming into operation of this Order shall, on the date of coming into operation of this Order, continue in full force and effect in relation to the member of the Fund to whom the authorization, direction, decision or other executive acts applied until amended, repealed, rescinded, revoked or replaced.

(3) Any investigation or legal proceedings instituted in relation to paragraph 54(6)(k), (l), (m) or (n) of the Act which is pending before the date of coming into operation of this Order shall, on the date of coming into operation of this Order, be continued in accordance with the provisions of the Act as if the Act had not been modified by this Order.

(4) Any reference to paragraph 54(6)(l), (m) or (n) of the Act in subregulation 5A(2A) or (2B) of the Employees Provident Fund Regulations 2001 [P.U. (A) 409/2001] shall, on the date of coming into operation of this Order, continue in full force and effect as if the Act had not been modified by this Order.

Made 12 April 2022
[MOF.SBM(R) 600-41/39/91; PN(PU2)498/Jld. 19]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance